

03/02/2003

Malaysia perlu cari bakat golf bertaraf profesional

Raja Ahmad Zainuddin

PUKULAN Hishamuddin Aun tidaklah sehebat Tiger Wood dalam pukulan lubang pertama dan seterusnya. Tetapi, tidak mustahil menjadi pemain golf terkemuka jika beliau menjadikan permainan tersebut sebagai karier sepenuh masa.

Tetapi, Hishamuddin hanya sekadar menjadikan permainan golf sebagai hobi di waktu lapang dan mungkin di antara beratus lagi yang berbuat demikian.

Baru-baru ini, Hishamuddin yang juga Penolong Pengarang Berita Harian mengetuai serombongan eksekutif daripada pelbagai syarikat media dan RTM dari Kuala Lumpur bertanding dalam satu pertandingan golf di Perak.

Mereka berentap dengan pegawai-pegawai eksekutif TNB Janamanjung, sebuah anak syarikat Tenaga Nasional Berhad yang dipimpin Datuk Abdul Hadi yang juga Pemangku Presiden TNB di Padang Golf Damai Laut dekat Lumut.

Hishamuddin bersama 18 yang lain terpaksa menaiki bas di dalam perjalanan lebih empat jam itu, muncul juara buat pertama kali merebut Piala Datuk Raja Ahmad Zainuddin yang juga Pengerusi TNB Janamanjung dalam perlawanan yang berlangsung di bawah panas terik dengan angin kencang dari laut berhampiran.

Bagaikan sambil menyelam minum air, rombongan media itu turut diberikan

taklimat mengenai projek jana kuasa TNB Janamanjung yang sedang di peringkat pembinaan di dasar laut dekat Lekir keesokan harinya.

Rata-rata mereka merasa kagum kerana pertama kali berpeluang melihat secara dekat bagaimana tenaga elektrik dihasilkan. Projek tersebut yang menelan belanja sekitar RM7 billion itu menggunakan bahan arang batu dengan kapasiti 2,100mw.

Keletihan sepanjang perlawanan yang dirasakan bagaimanapun terubat juga apabila di sebelah malamnya mereka turut dihiburkan artis terkenal Aris Ariwatan yang juga berasal dari Perak.

Mereka yang pulang dengan sedikit buah tangan turut tidak melepaskan peluang sebelum berangkat balik pada sebelah tengah hari untuk mengunjungi

Teluk Rubiah, sebuah lagi kelab golf berhampiran.

Bahkan, di Perak sahaja terdapat banyak kelab golf yang sering dikunjungi ramai pemain termasuk dari luar. Di antaranya ialah Kelab Golf

Clear Water di Batu Gajah, Kelab Golf Bukit Jana di Taiping, Kelab Golf Diraja di Ipoh, Kelab Golf Meru Height dan Kelab Golf Batu Gajah.

Sesungguhnya, permainan golf akhir-akhir ini semakin menjadi perhatian tidak kiralah sama ada mereka itu dari kalangan orang atasan, pegawai tinggi kerajaan, ketua jabatan, ahli korporat mahupun pemain bola sepak.

Pendek kata, permainan ini tidak lagi terhad kepada mereka yang berada

sahaja. Kita agak beruntung kerana tidak kurang juga pelancong dari Jepun yang tertarik untuk ke Malaysia kerana kos belanja untuk bermain golf di sini, lebih murah jika dibandingkan di tempat mereka.

Bayangkan jika mereka terpaksa mengeluarkan RM2,000 untuk sekali bermain sedangkan jika mereka datang ke tempat kita, wang sebanyak itu mereka boleh melancong dan berbelanja.

Saya masih ingat kita pada suatu ketika pernah melahirkan ramai pemain golf bertaraf pro seperti Ishak Bluah. Tetapi, tidak lagi sekarang. Ke mana perginya mereka? Apakah cukup sekadar kita menjadikan permainan ini hanya untuk suka-suka sedangkan belanjanya begitu besar. Kenapa kita tidak

jadikan slogan Malaysia Boleh seperti yang disemarakkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai satu pegangan yang kuat untuk terus mara ke hadapan.

Kita orang Malaysia tidak kurangnya hebat di dalam permainan individu. Justeru kenapa permainan golf ini tidak kita jadikan sebagai satu usaha untuk melahirkan ramai pemain bertaraf pro.

Jika berdasarkan sejarah, Tiger Wood juga dilatih oleh bapanya sendiri untuk menjadi seorang pemain pro. Lihat pemain sensasi, Paradom Srichapan dari Thailand iaitu jiran tetangga kita yang tiba-tiba muncul di tengah-tengah kehebatan bintang tenis dunia yang rata-rata dikuasai negara barat.

Begitupun, kita kini kehilangan seorang daripada tenaga yang turut memainkan peranan penting ke arah kejayaan keluarga Datuk Sidek Abdullah Kamar setelah kepulangan Datin Rukinah Sulaiman iaitu orang kesayangan ke rahmatullah baru-baru ini.

Kepada Datuk Sidek dan keluarga, kita harap mereka bersabar menempuh dugaan ini sambil kita semua berdoa semoga roh Allahyarhamah diletakkan di sisi orang-orang yang soleh.

Seperti kata pepatah manusia mati meninggalkan nama, Datin Rukinah tetap dikenang selama-lamanya sebagai ibu mithali kerana ditangannyalah permata badminton bertaraf dunia iaitu Misbun, Razif, Jailani, Rahman dan Rashid berjaya digilap.